

**SURAT PEKELILING DALAMAN**  
**PUSTAKA/100-1/1/2/Jld.1 (020)**

Kepada : Semua Pegawai Pustaka Negeri Sarawak  
Perkara : **PERINGATAN: TATACARA PEROLEHAN PEMBELIAN TERUS**  
Tarikh : 10 Mac 2023

## **1.0 TUJUAN**

1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada semua Pegawai Pustaka berkaitan dengan Tatacara Perolehan Pembelian Terus bagi memastikan pengurusan kewangan lebih efisien, telus dan terkawal.

1.2 Pegawai Pustaka adalah merujuk kepada mereka yang telah diberi amanah untuk mengurus permintaan pembelian/perkhidmatan/kerja.

## **2.0 PELAKSANAAN**

2.1 Pihak yang boleh dipelawa menyertai perolehan secara pembelian terus bagi **bekalan/perkhidmatan** adalah:

- Pembekal/Kontraktor yang berdaftar atau tidak dengan UPKJ
- Bertaraf bumiputera atau bukan bumiputera
- Mempunyai Lesen Perdagangan (*Trade Licence*) yang berkaitan.

2.2 Pihak yang boleh dipelawa menyertai perolehan secara pembelian terus bagi **Kerja** adalah:

- Kontraktor kelas F bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan UPKJ.


2.3 Pekeliling dalaman berkaitan perolehan permintaan pembelian/perkhidmatan/kerja yang telah dikeluarkan sebelum ini masih berkuat kuasa.

2.4 Namun, bagi aktiviti/program di kawasan pedalaman adalah diberi **kelonggaran** tetapi digalakkan untuk mematuhi pekeliling ini.

## **3.0 TARIKH KUAT KUASA**

3.1 Surat pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih



**JAPRI HAJI BUJANG MASLI**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pustaka Negeri Sarawak